

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BINAAN HARAM DI ATAS TANAH KERAJAAN DAN TANAH DI BAWAH  
SELIAAN PEMAJU**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah halangan kepada PBT untuk bertindak tegas menangani masalah binaan haram di atas rezab parit dan jalan?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan kemudahan infra asas yang masih belum diserahkan kepada PBT diseliasa dan diselenggara oleh pemaju mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Binaan haram yang dibina di atas rizab kerajaan (rizab parit dan jalan) akan dirujuk terlebih dahulu kepada Pejabat Tanah dan Daerah memandangkan kuasa yang diberi bagi tujuan pengeluaran notis adalah melalui peruntukan Seksyen 425 – Kanun Tanah Negara 1957 (Akta 56). Walau bagaimanapun masalah yang sering berlaku dan menjadi halangan kepada PBT adalah seperti berikut:
  - i. Kesukaran untuk mendapatkan maklumat pemilik struktur binaan haram di tapak tersebut;
  - ii. Masalah binaan haram melibatkan rumah ibadat;
  - iii. Pemilik struktur enggan bekerjasama;
  - iv. Kekangan dari segi kos perobohan dan kos pembaikan infrastruktur yang terlibat (selepas pelaksanaan operasi perobohan binaan haram); dan
  - v. Campur tangan pihak tertentu.
- b) PBT sentiasa menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan semua kemudahan infrastruktur asas yang belum diserahkan kepada PBT diselenggarakan oleh pemaju sebelum CCC dikeluarkan. Semua pemajuan yang telah siap juga akan menjalani pemeriksaan akhir terlebih dahulu sebelum CCC. PBT juga mengenakan cagaran semasa proses pelan-pelan infra di mana, wang cagaran tersebut akan digunakan sekiranya pemaju gagal menjalankan penyelenggaraan. Sekiranya pemaju gagal untuk mematuhi arahan PBT, tindakan kompaun di bawah Akta 133 Akta Jalan, Parit & Bangunan akan dikenakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : LIPUTAN WIFI SELANGORKU DAN 5G**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperluaskan liputan *hotspot* wifi Selangor selaras untuk menjadikan Selangor negeri bermaklumat?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menjadikan Selangor bersedia untuk menerima teknologi 5G?

**JAWAPAN:**

- a) SMARTSEL adalah sangat komited untuk memainkan peranan dalam menjayakan visi Kerajaan Negeri Selangor untuk merealisasikan impian Selangor untuk menjadi sebuah Negeri Pintar "Smart State" menjelang 2025, SMARTSEL dalam perancangannya telah menyasarkan akan memasang sejumlah 500 AP (*hotspot*) tambahan untuk tahun 2019. Di samping itu, SMARTSEL juga sedang membangunkan rangkaian digital sendiri yang diberi nama SMARTSEL Digital Network (SDN) dan juga produk WiFi sendiri. Dengan kerjasama yang dijalinan dengan pemain industri yang sedia ada dan yang baru, serta dengan sokongan Kerajaan Negeri, kami yakin akan dapat memperluaskan liputan jaringan ini ke seluruh negeri menjelang tahun 2025.
- b) Buat masa ini, pihak SMARTSEL sedang berbincang bersama sama syarikat telekomunikasi sedia untuk memahami strategi dan pelan pembangunan rangkaian 5G mereka di Negeri Selangor. Susulan dari perbincangan tersebut, SMARTSEL akan memainkan peranan bersama syarikat-syarikat tersebut bagi penyediaan infrastruktur digital untuk memenuhi keperluan pemasangan rangkaian teknologi 5G di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEPERIKSAAN PSRA DAN UPKK**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk berbincang dengan pihak KPM bagi menyelaraskan kemasukan ke tingkatan satu SBP oleh pelajar tahun enam SRA JAIS hanya dengan menggunakan sijil PSRA dan tidak UPKK?

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER  
MANUSIA (BPSM), SUK**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : AGENSI KAWALAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan satu agensi negeri yang khusus untuk mengawal selia rumah-rumah ibadat untuk kaum bukan Islam sepertimana fungsi JAIS?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor pada masa ini telah mempunyai satu Jawatankuasa Khas bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan keagamaan Selain Islam iaitu Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam (HESI) yang dipengerusikan oleh tiga (3) orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu YB Dato' Teng Chang Khim, YB Tuan Ganabatirau a/l Veraman dan YB Tuan Hee Loy Sian. Peranan utama Jawatankuasa HESI adalah seperti berikut :
- i) Menyelesaikan masalah isu-isu mengenai bangunan keagamaan selain Islam;
  - ii) Memperakukan permohonan pemertan tanah bagi tapak baru dan penggantian tapak bangunan keagamaan selain Islam;
  - iii) Membincangkan dan memutuskan hal-hal berkaitan tanah perkuburan selain Islam;
  - iv) Menyalurkan peruntukan kewangan kepada setiap bangunan keagamaan bergantung kepada jumlah peruntukan semasa yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri; dan
  - v) Memperakui tindakan penguatkuasaan ke atas rumah ibadat selain Islam dan tempat penyembahan dibina tanpa kebenaran di negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri merasakan kewujudan Jawatankuasa Khas ini mencukupi untuk membincangkan isu-isu masyarakat pelbagai agama di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PROGRAM SUBSIDI BAS SEKOLAH**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperluaskan bantuan subsidi bas sekolah untuk pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina?

**JAWAPAN:**

- a) Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Meru di atas pertanyaan berkenaan subsidi tambang bas sekolah kepada pelajar-pelajar khususnya di Negeri Selangor. Saya menyambut baik akan cadangan Yang Berhormat Meru untuk memperluaskan bantuan subsidi bas sekolah untuk pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, setiap Jawatankuasa Tetap yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat EXCO, masing-masing mempunyai pelaksanaan program-program berbeza di bawah portfolio dengan sasaran yang berbeza namun tujuan yang sama iaitu memberi manfaat kepada rakyat di Negeri Selangor.

Di bawah Portfolio seliaan saya, sasaran utama adalah difokuskan kepada anak-anak pekerja ladang, pekerja ladang dan bekas pekerja ladang yang majoriti melibatkan kaum India yang kurang berkemampuan dan miskin. Walau bagaimanapun, bagi masyarakat Melayu dan Cina di Negeri Selangor, kumpulan sasaran tersebut lebih difokuskan di bawah Portfolio Yang Berhormat EXCO Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi serta Yang Berhormat EXCO Pembangunan Kampung Baru. Memandangkan peruntukan sedia ada di bawah Jawatankuasa Kerajaan Prihatin adalah terhad maka peruntukan tersebut hanya dapat menampung keperluan sumbangan kepada kumpulan sasaran sahaja yang telah ditetapkan di bawah portfolio saya.

Walaupun bagaimanapun, selain daripada Program Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru juga telah menyediakan perkhidmatan bas secara percuma yang dikenali sebagai Bas *Smart* Selangor. Perkhidmatan Bas *Smart* Selangor ini tidak disasarkan kepada golongan tertentu bahkan ianya terbuka kepada seluruh rakyat di Negeri Selangor secara percuma. Dalam usaha menggalakkan rakyat di negeri ini untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam, Kerajaan Negeri telah

memperluaskan laluan Bas Smart Selangor ke tempat-tempat yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi termasuk di luar bandar secara berperingkat.

Sehubungan itu, saya percaya jabatan dan agensi kerajaan sedia ada sentiasa mencari alternatif dan pandangan baharu bagi memastikan kebajikan rakyat di negeri ini khususnya yang kurang berkemampuan terbela. Kerajaan Negeri juga sentiasa menambahbaik program-program sedia ada yang melibatkan perkhidmatan pengangkutan awam untuk menarik lebih ramai orang khususnya rakyat Negeri Selangor menggunakan kemudahan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaikkan bantuan Jom Shopping warga emas kepada RM200 bagi meringankan beban warga emas?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan bantuan khairat kematian RM1000 kepada waris warga emas bagi meringankan kos pengkebumian?

**JAWAPAN:**

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menaikkan bantuan Jom Shopping warga emas kepada RM200.00. Namun Kerajaan Negeri akan mengkaji keperluan berkenaan dari semasa ke semasa.
- b) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memberi bantuan khairat kematian RM1,000.00 kepada waris warga emas. Kerajaan Negeri kini mahu lebih fokus untuk pemberian manfaat semasa hidup kepada semua warga emas yang berdaftar di bawah skim ini.

Berbeza dengan pelaksanaan pemberian manfaat khairat kematian SMUE sebelum ini di mana hanya 106,012 orang warga emas (pembayaran kepada waris) berbanding jumlah keseluruhan ahli SMUE iaitu 314,085 orang telah menikmati manfaat tersebut dalam tempoh 10 tahun sejak ia diperkenalkan pada tahun 2008.

Sekiranya program Jom Shopping ini dilaksanakan, maka manfaat program ini akan dinikmati oleh 204,679 warga emas yang masih hidup (rekod sehingga 18 Julai 2019).

Selain itu, bantuan khairat kematian banyak ditawarkan oleh agensi lain seperti Perkeso, KWSP dan BSH selain masjid dan surau bagi yang beragama Islam dan Bantuan Mengurus Jenazah oleh JPA untuk penjawat awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : BILANGAN TANAH MILIK KERAJAAN**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan tanah milik kerajaan di Meru yang masih lagi belum dibangunkan mengikut agensi-agensi yang terbabit?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menghalang aktiviti pencerobohan tanah milik Kerajaan?

**JAWAPAN:**

- a) Terdapat seluas 80.898 ekar tanah milik Kerajaan bagi kawasan Meru, Daerah Klang. Sebanyak 14.838 ekar adalah merupakan tanah *Virgin Land* yang terlibat dalam proses pewartaan sebagai tapak pasar. Manakala selebihnya telah dizonkan sebagai kegunaan rizab jalan dan simpanan sungai.

Baki 66.06 ekar lagi tanah kerajaan adalah terdiri daripada Kawasan Lapang, Zon Penampian, Kawasan Keagamaan Islam, Sistem Perkhidmatan Pembentungan, Keagamaan Bukan Islam, Rizab Sungai dan Rizab Jalan.

Berdasarkan semakan Pejabat Daerah/Tanah Klang terdapat 2 tapak Rizab Keagamaan Islam (Masjid dan Surau) dan 2 tapak Rizab Keagamaan Bukan Islam (Tokong) yang belum dibangunkan.

- b) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah/Tanah (PDT) di setiap daerah di Negeri Selangor telah menubuhkan Unit Penguatkuasaan Tanah. Unit ini dibekalkan dengan anggota Pembantu Penguatkuasa beruniform yang bertanggungjawab menjalankan rondaan, bancian, menjalankan siasatan dan melaksanakan operasi-operasi penguatkuasaan terhadap aktiviti-aktiviti pencerobohan tanah kerajaan di daerah terlibat.

Bagi sebarang Pencerobohan Tanah Kerajaan/ Pendudukan Tidak Sah ianya merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 425, Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan jika sabit kesalahan tindakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan kepada pelaku dan mereka yang bersubahat.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : GENGSTER**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah dan tindakan Kerajaan mengatasi masalah gengster untuk jangka masa panjang dan pendek?

**JAWAPAN:**

- a) Antara langkah-langkah Kerajaan dalam mengatasi isu tersebut adalah:
1. Memberi kesedaran dan pendidikan awal di peringkat sekolah-sekolah dalam Negeri Selangor. Program ini diadakan melalui Mesyuarat Permuafakatan PDRM dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS). Tujuan program ini diadakan untuk mengenal pasti sekolah-sekolah berisiko diserapi oleh gangster dan mengambil tindakan segera sekiranya perkara tersebut berlaku.
  2. Penubuhan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor di bawah Majlis Keselamatan Negeri. Jawatankuasa ini dianggotai oleh semua ketua-ketua agensi penguat kuasa dan ketua-ketua jabatan kerajaan yang dipengerusikan bersama oleh PDRM dan ATM. Salah satu fokus utama jawatankuasa ini adalah tentang jenayah serta ancaman gangster yang ada dalam Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KEBAJIKAN GURU KAFA**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan guru-guru KAFA dan Fardu Ain dari segi kebajikan pengupayaan pengajaran dan pendidikan mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Agama Islam Selangor sentiasa melihat dan menambahbaik insentif yang boleh diberikan kepada guru-guru KAFA Negeri Selangor. Antara insentif dan kebajikan yang telah disediakan:
1. Berkerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor dalam menyediakan skim kebajikan Guru KAFA Negeri Selangor, iaitu peruntukan untuk rawatan di hospital dan sumbangan khairat maksimum RM5000.00 termasuk kes kematian yang melibatkan guru KAFA atau pasangan
  2. Kerjasama yang dibuat oleh JAKIM bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memberikan kemudahan 'Guarantee Letter' kepada guru KAFA apabila menerima rawatan di hospital kerajaan
  3. Menikmati cuti bersalin sehingga 60 hari sebanyak tiga kali sepanjang perkhidmatan *(Bil.27 dlm. JAI.SEL.BPI.03/02/007/01 Bertarikh 17hb Mei 2010M)*
  4. Kebenaran pengambilan Cuti Sakit dan bergaji 15 hari setahun dari Hospital / Klinik Kerajaan atau swasta *(Bil.27 dlm. JAI.SEL.BPI.03/02/007/01 Bertarikh 17hb Mei 2010M)*
  5. Menikmati cuti 7 hari tanpa rekod guru KAFA lelaki apabila pasangan bersalin sebanyak tiga kali sepanjang perkhidmatan
  6. Keistimewaan Cuti sambilan / Cuti Rehat Khas (CRK) sebanyak 7 hari setahun *(Bil.24 dlm. JAI.SEL.BPI.03/04/012Jld2. Bertarikh 11 Jun 2009)*
  7. Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja oleh majikan sepanjang perkhidmatan
  8. Cuti berelaun penuh mengerjakan Fardhu Haji sekali sepanjang perkhidmatan *(Bil.27 dlm. JAI.SEL.BPI.03/02/007/01 Bertarikh 17hb Mei 2010M)*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PEMBINAAN RUMAH SELANGORKU**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan berhasrat membina Rumah Selangorku di dalam Dewan Undangan Negeri Taman Templer?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), terdapat **4 projek** Rumah Selangorku yang melibatkan **1,808 unit** yang sedang dibina dan dalam perancangan di kawasan Dewan Undangan Negeri Taman Templer. Status keempat-empat projek tersebut adalah seperti berikut :

- i) 1 Projek Rumah Selangorku Dalam Pembinaan iaitu :

| <b>Bil.</b>               | <b>Pemaju</b> | <b>Lokasi</b>      | <b>Jenis Pembangunan</b>                      | <b>Keluasan (kp)</b> | <b>Peratus Penyediaan (%)</b> |
|---------------------------|---------------|--------------------|---|----------------------|-------------------------------|
| 1.                        | PKNS          | Kg. Sri Temenggung | Rumah Selangorku<br>Jenis B<br>(RM100,000.00) | 750                  | 21%<br>(90 unit)              |
|                           |               |                    | Rumah Selangorku<br>Jenis C<br>(RM180,000.00) | 900                  | 29%<br>(120 unit)             |
|                           |               |                    | Rumah Selangorku<br>Jenis D<br>(RM220,000.00) | 1,000                | 50%<br>(210 unit)             |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |               |                    |   |                      | <b>420 unit</b>               |

ii) 3 Projek Rumah Selangorku Dalam Perancangan iaitu :

| Bil.                      | Pemaju                 | Lokasi          | Jenis Pembangunan                                   | Keluasan (kp) | Peratus Penyediaan (%) |
|---------------------------|------------------------|-----------------|---|---------------|------------------------|
| 1.                        | Untung Utama Sdn. Bhd. | Bandar Selayang | Rumah Selangorku Jenis B<br>(RM100,000.00)          | 750           | 15%<br>(300 unit)      |
|                           |                        |                 | Rumah Selangorku Jenis C<br>(RM180,000.00)          | 900           | 30%<br>(600 unit)      |
|                           |                        |                 | Rumah Selangorku Jenis D<br>(RM220,000.00)          | 1,000         | 5%<br>(100 unit)       |
| <b>Jumlah Kecil</b>       |                        |                 |   |               | <b>1,000</b>           |
| 2.                        | Eco Templer Sdn. Bhd.  | Templer         | Rumah Selangorku Jenis A (5 Tingkat)                | 700           | 30%<br>(117 unit)      |
|                           |                        |                 | Rumah Bandar Selangorku Jenis C 20'x65' (2 Tingkat) | 900           | 64%<br>(246 unit)      |
|                           |                        |                 | Rumah Teres Selangorku Jenis D 20'x65' (1 Tingkat)  | 1,000         | 6%<br>(25 unit)        |
| <b>Jumlah Kecil</b>       |                        |                 |   |               | <b>388</b>             |
| 3.                        | Zhinmun Sdn. Bhd.      | Bandar Selayang | Rumah Selangorku Jenis B<br>(RM100,000.00)          | 750           | *10%                   |
|                           |                        |                 | Rumah Selangorku Jenis C<br>(RM150,000.00)          | 800           | *10%                   |
|                           |                        |                 | Rumah Selangorku Jenis D<br>(RM200,000.00)          | 900           | *20%                   |
| <b>Jumlah Kecil</b>       |                        |                 |   |               | <b>*40%</b>            |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |                        |                 |   |               | <b>1,388 unit</b>      |

\* Perincian bilangan unit masih belum dimuktamadkan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : CUKAI PINTU**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kadar cukai pintu yang dikenakan kepada pemilik Rumah Selangorku di seluruh negeri pada kadar yang sama kerana dimaklumkan mereka dikenakan pada kadar RM150.00 - RM200.00 yang dianggap agak berat bagi mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Cukai pintu yang dikenakan kepada semua pegangan adalah berdasarkan kadar disetiap lokasi dan nilai tahunan yang digunakan oleh PBT. Oleh sebab itu, pengenaan cukai bagi "Rumah Selangorku" adalah berbeza mengikut kadar yang dikenakan. Kerajaan Negeri melalui Insentif Peduli Rakyat (IPR) telah mengecualikan pembayaran cukai pintu bagi kategori rumah kos rendah bermula tahun 2016 sehingga kini. Rumah Selangorku yang memenuhi kriteria rumah kos rendah adalah tertakluk kepada pengecualian ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PEMBINAAN PASARAYA**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar Kerajaan dalam membenarkan terlalu banyak pembinaan pasaraya-pasaraya besar yang boleh menyebabkan perniagaan-perniagaan kecil gulung tikar?

**JAWAPAN:**

- a) Setiap pemajuan Hypermarket atau pasaraya perlu mendapat kelulusan dan pertimbangan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sebelum sebarang kelulusan diberikan oleh PBT. PBT di Selangor mengguna pakai Garis Panduan Pasaraya Besar (*hypermarket*) yang dikeluarkan oleh Plan Malaysia dalam menetapkan keperluan keluasan lantai minima 8000 meter persegi bagi pembangunan sesebuah pasaraya. Kawalan keluasan ini bagi mengawal kewujudan *hypermarket* dan secara tidak langsung membantu perniagaan peniaga kecil.

Selain daripada itu sebagai langkah kawalan, cadangan pembangunan Pasaraya mestilah mengikut zon gunatanah yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Tempatan di setiap PBT di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pembangunan tersebut yang dicadangkan berhampiran perniagaan kecil, pemaju diminta menyediakan laporan kajian pasaran dan laporan impak sosial (S.I.A.).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PESARA**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha Kerajaan bagi membantu bekas-bekas anggota pasukan keselamatan yang sudah bersara untuk memulakan kehidupan baru contohnya latihan, bimbingan, tunjuk ajar bantuan kewangan untuk menjadi usahawan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Program Latihan Kemahiran Pesara Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Negeri Selangor pada tahun 2016. Penganjuran program ini adalah hasil kerjasama dengan Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Negeri Selangor di mana Program Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan bimbingan kepada para pesara ATM berkenaan pengurusan kewangan, kemahiran insaniah dan keusahawanan. Dengan pendedahan dan bimbingan tersebut, ia dapat memberi laluan pekerjaan atau keusahawanan kepada pesara bagi menjamin pendapatan selepas persaraan.

Pada tahun 2018, sebanyak tiga puluh tujuh (37) siri program latihan ini telah dilaksanakan dengan menyediakan dua belas (12) modul khusus kepada golongan pesara veteran ATM. Modul-modul tersebut merangkumi modul khusus seperti Sajian Makanan, Pemprosesan Makanan, Bakeri & Pastri, Perniagaan Dobi, Perniagaan Spa, Perniagaan *Foodtruck*, Pengurusan Masjid, Kerohanian, Pertanian, Penternakan, Pengurusan Keselamatan dan Industri Kecil & Sederhana (IKS). Seramai 1,792 orang pesara tentera telah mendapat manfaat daripada program latihan ini sejak tahun 2016.

Namun begitu, pada tahun 2019 Kerajaan Negeri Selangor telah menyelaras semula program dan didapati program ini turut melibatkan agensi-agensi di peringkat Persekutuan. Oleh itu, program khas bagi pesara veteran ATM ini diteruskan dengan program sedia ada di peringkat Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PEMBINAAN MUZIUM**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan setiap daerah di Selangor mempunyai muzium tersendiri untuk menyimpan sejarah dan khazanah berharga yang terdapat di daerah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Secara dasarnya memang Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) merancang untuk menubuhkan muzium atau galeri di setiap daerah di negeri Selangor. Program ini dirancang atas dua (2) dasar atau keperluan, iaitu memenuhi latar belakang sejarah daerah-daerah tersebut dan keduanya bagi pembangunan produk dan destinasi pelancongan.

Dua kategori muzium atau galeri telah dan akan dibangunkan iaitu muzium bercirikan sejarah tempatan dan muzium berkhusus dengan berbagai tema.

Bagi muzium bercirikan sejarah dan multi disiplin yang sedia ada ialah Muzium Sultan Alam Shah di Shah Alam dan Muzium Sejarah di Bukit Malawati Kuala Selangor. Terdapat juga muzium-muzium bertema iaitu Muzium Pertanian dan Perikanan di Sabak Bernam dan Muzium Insitu di Jugra.

Pada masa ini PADAT sedang membangunkan beberapa buah muzium yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri iaitu Muzium Sejarah dan Bijih Timah di Gedung Raja Abdullah, Klang, Muzium Setem (Muzium Pos) di Shah Alam, Muzium Tekstil dan Fesyen di Bangunan Anggerik, Shah Alam, Muzium Sukan di Stadium Shah Alam, Shah Alam, Muzium Permainan Tradisional di Bukit Malawati, Kuala Selangor dan "*Living museum Istana Bandar*" Kuala Langat Selangor.

Bagi jangka panjang PADAT bercadang untuk mengasingkan Muzium Pertanian dan Perikanan Sabak Bernam kepada Muzium Pertanian yang akan dikekalkan di Sabak Bernam dan Muzium Perikanan dirangka untuk ditubuhkan di Sepang. DYMM Sultan Selangor menitahkan, bagi melestarikan sistem penghasilan padi sebuah muzium padi akan dibangunkan di daerah Sabak Bernam. Pembangunan Pusat Penerangan atau galeri sedang dirangkakan bagi menaiktaraf galeri sedia ada kerana terdapat keperluan yang berdasarkan latar belakang sejarah tempatan atau daerah tersebut. Program ini merangkumi



penubuhan Pusat Penerangan Perusahaan Perlombongan Arang Batu di Batu Arang, Gombak, Pusat Penerangan Pekan Kuala Kubu (pekan lama Kuala Kubu yang tenggelam) di Kuala Kubu Baharu, Hulu Selangor dan Pusat Rekreasi Kapal Korek Bijih Timah Seri Banting di Sepang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : INDUSTRI HALAL**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dengan industri halal yang sedang berkembang hebat mutakhir ini, apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untukantisipasi dalam menyediakan tenaga mahir seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan melalui latihan yang diberikan kepada rakyat Negeri Selangor terutamanya golongan belia?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2018 Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif melaksanakan Program Halal *Executive* di bawah Program Inisiatif Kemahiran Teknikal Dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) untuk pelajar di Jordan, Republik Arab Mesir dan Maghribi bagi memenuhi permintaan pasaran kerjaya sebagai Eksekutif Halal di industri. Inisiatif ini bagi mempersiapkan sumber tenaga manusia yang mempunyai kemahiran khusus ikhtisas berkaitan bidang halal bagi memenuhi industri halal di Negeri Selangor yang berkembang pesat.

Untuk meneruskan usaha menyediakan tenaga mahir dalam industri halal Kerajaan Negeri sedang meneliti beberapa program latihan seperti program latihan belia untuk lepas sekolah sebagai Halal Operator di industri. Melalui program ini peserta akan diberi pendedahan mengenai prosedur dan tanggungjawab sebagai halal operator di industri. Oleh itu, dengan usaha ini Kerajaan Negeri berharap ia akan membantu pertumbuhan industri halal di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : GOLONGAN B40**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri ada membuat penelitian semula kaedah atau syarat penerima bantuan yang hanya fokus kepada e-Kasih sahaja? Sebaiknya dinaikkan kepada pendapatan RM5000.00 bagi seisi rumah berbanding B40 pendapatan purata RM3860.00 isi rumah.

**JAWAPAN:**

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA SEKSYEN SEKTORAL, UPEN**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : SISTEM SOLAR**

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menyertai inisiatif program sistem tenaga solar yang dipromosikan oleh Kerajaan Pusat untuk dipasangkan di rumah-rumah ibadat terutamanya masjid-masjid?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) telah memperkenalkan kuota Solar PV kategori komuniti pada tahun 2014 yang bertujuan untuk mewujudkan kuota khas bagi projek-projek komuniti bagi memastikan entiti bukan komersil ini berpeluang untuk membangunkan projek-projek solar PV di bawah mekanisma *Feed-in Tariff* (FiT) tanpa perlu bersaing dengan permohonan dari syarikat-syarikat komersil yang begitu agresif dalam mendapatkan kuota.

Namun begitu, di atas faktor kekangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB), kuota bagi kategori solar PV hanya dapat dilaksanakan sehingga tahun 2017. Kerajaan seterusnya telah memperkenalkan mekanisme lain bagi meningkatkan penjana tenaga menerusi solar PV iaitu projek *Large Scale Solar* (LSS) dan *Net-Energy Metering* (NEM).

Di bawah program NEM, SEDA Malaysia mempunyai pilihan bayaran pelaburan terhadap sistem PV melalui:

- i. Pembelian Terus Tenaga (tunai / pinjaman tunai bank) dengan melantik penyedia perkhidmatan Solar PV yang berdaftar (*Registered Photovoltaic Service Provider* - RPVSP); atau
- ii. Perjanjian *Power Purchase Agreement* (PPA) atau *Solar Leasing* dengan melantik pelabur PV berdaftar (Registered Solar PV Investor - RPVI) dimana dibawah pilihan PPA atau *Solar leasing* ini tiada pendahuluan perbelanjaan modal diperlukan dari pemohon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 16 / 2019 yang diadakan pada 18 Jun 2019

telah bersetuju dengan Cadangan Pemasangan Panel Solar di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Skim Solar Energy Purchase (SEP) oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan bersetuju dengan perkara-perkara berikut:

- i. Meluluskan cadangan Pemasangan Panel Solar di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor iaitu Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah (PTD) di bawah Skim Solar Energy Purchase (SEP) oleh TNB;
- ii. UPEN akan mengadakan perbincangan lanjut dan terperinci dengan TNB dan PTD bagi mengkaji semula tempoh kontrak dan kadar tarif yang akan dikenakan; dan
- iii. Supaya melibatkan semua PTD semasa memuktamadkan perjanjian dengan TNB.

Sehubungan itu, buat masa ini Kerajaan Negeri hanya akan melaksanakan pemasangan sistem solar di Bangunan-bangunan Kerajaan Negeri Selangor dan akan mempertimbangkan pemasangan sistem solar di rumah ibadat terutamanya masjid-masjid pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN KELESTARIAN PAYA INDAH WETLAND**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengembalikan kegemilangan Paya Indah Wetland sebagai kawasan pelancongan dan pemeliharaan sumber alam sekitar?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan PERHILITAN ada mencadangkan penswastaan untuk kemudahan dan aktiviti yang dijalankan di Paya Indah Wetland (PIW). Cadangan ini mengambilkira pembangunan, pengurusan dan pelaksanaan aktiviti tidak menjejaskan status PIW sebagai Rizab Tanah Lembap (*Wetlands*) di bawah Kanun Tanah Negara. Ini juga termasuk pembangunan yang akan dijalankan dengan memberi impak fizikal secara minima ke atas persekitaran semulajadi di PIW. Pihak swasta juga sepatutnya memberi sumbangan kepada pihak kerajaan dari jumlah pendapatan kasar tahunan. Semua kos dan perbelanjaan pembangunan, peningkatan, pengurusan dan penyelenggaraan kompleks dan segala kos pengurusan lain adalah ditanggung oleh pihak swasta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : INSENTIF UNTUK PELADANG**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah insentif khas kepada peladang/nelayan di Negeri Selangor?
- b) Berapakah sumbangan hasil daripada aktiviti perladangan kepada Negeri Selangor?
- c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi melonjakkan pendapatan hasil pertanian bersesuaian dengan anjakan ke arah IR 4.0?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan sedia maklum berkenaan kekangan modal untuk pembelian peralatan dan input pertanian kepada agroprenuer di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil dan kualiti pengeluaran. Atas faktor tersebut, sejumlah RM27,898,000.00 telah diperuntukan bagi pembangunan sektor pertanian termasuk pemberian bantuan dan insentif kepada golongan nelayan, petani, penternak dan Industri Asas Tani (IAT) manakala jumlah keseluruhan peruntukan termasuk peruntukan dari Kerajaan Pusat yang disalurkan melalui jabatan dan agensi berjumlah hampir RM55,000,000.00.

Namun begitu, bagi pemberian insentif khas kepada peladang/nelayan di Negeri Selangor tidak dilaksanakan secara berterusan memandangkan konsep pemberian khas adalah berdasarkan kepada permohonan (*case-by-case basis*) yang disebabkan oleh penurunan hasil secara mendadak kesan daripada penularan penyakit atau faktor cuaca yang melampau.

Sebagai contoh pemberian Bantuan Kewangan kepada pesawah yang terkesan akibat dari serangan penyakit *Bacteria Leaf Blight (BLB)* pada tahun 2017 yang lepas melibatkan perbelanjaan sebanyak RM7,641,207.00.

- b) Sumbangan secara terus dari aktiviti perladangan kepada Negeri Selangor hanyalah melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) iaitu sebanyak RM3.0 juta bagi bagi pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Kerajaan Negeri Selangor.

Walaupun bagaimanapun, sumbangan secara tidak terus melalui aktiviti perladangan atau pertanian secara terus adalah melalui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Selangor yang bernilai RM3.98 Bilion pada tahun 2017 dan pertanian makanan merangkumi lebih kurang RM1.41 Bilion atau 35.4% dari keseluruhan KDNK Pertanian Negeri Selangor.

- c) Kerajaan Negeri sedang giat memberikan penerangan dan kesedaran kepada agropreneur Negeri Selangor khususnya di dalam pelaksanaan tanaman berkonsepkan teknologi tinggi dan moden seperti penggunaan Sistem Pelindung Hujan (SPH) dan *Internet Of Things (IoT)* yang boleh memberikan pulangan yang lebih baik berbanding penggunaan kaedah secara konvensional. Dalam masa yang sama juga, melalui konsep penanaman secara fertigasi, penggunaan sistem-sistem kawalan secara atas talian (*online*) boleh mengurangkan kos operasi selain daripada penerapan pelaksanaan pertanian presisi (*precision agriculture*), sistem akuaponik dan pertanian bandar.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : LOT GERAI**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Untuk membantu para penjaja ,adakah pihak Kerajaan ada bercadang untuk membina lot-lot gerai di atas tanah kosong milik kerajaan sedia ada agar dapat menyediakan ruang berniaga yang lebih kemas cantik dan tersusun kepada mereka di samping dapat meningkat taraf ekonomi mereka? Di samping itu juga pihak Kerajaan Negeri juga boleh mendapat hasil daripada kadar sewaan gerai dan sebagainya. Diharap agar Kerajaan Negeri melalui pihak yang berkaitan dapat memperhalusi serta mempertimbangkan cadangan ini supaya dapat memangkin sektor ekonomi di kawasan Batang Kali khususnya.

**JAWAPAN:**

- a) Berkaitan perancangan lot-lot gerai yang dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah mengikut keperluan dan kepadatan penduduk sesuatu kawasan dan juga melihat kepada bilangan gerai-gerai sedia ada yang telah dibina. Pada masa yang sama pihak PBT juga melihat kepada jumlah gerai yang tidak disewa ekoran daripada kegiatan ekonomi yang tidak memuaskan dikawasan tersebut yang menyebabkan gerai PBT kosong dan terbiar, secara tidak langsung meningkatkan kos penyelenggaraan.